

06 JUL 2001

Mahathir-Ikim

PM: RADIO IKIM DAPAT BETULKAN SALAH TANGGAPAN MENGENAI ISLAM

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Radio Ikim.fm dapat meningkatkan peranan Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) membetulkan salah tanggapan masyarakat bukan Islam mengenai ajaran Islam.

Beliau yakin dengan wujudnya radio itu segala mesej mengenai ajaran Islam akan dapat disampaikan kepada masyarakat dengan lebih meluas.

Perdana Menteri berkata Ikim ditubuhkan khusus bagi mengatasi berbagai-bagai bentuk kekeliruan di kalangan masyarakat bukan Islam mengenai ajaran Islam di samping memperbetulkan banyak salah faham mengenai ajaran Islam di kalangan masyarakat Islam itu sendiri.

"Saya yakin sekiranya siaran radio ini dikendalikan dengan bijak tanpa sebarang kepentingan selain daripada menyampaikan maklumat mengenai ajaran Islam yang sebenarnya, radio ini akan memberi manfaat kepada semua rakyat di negara ini," katanya ketika melancarkan Radio Ikim.fm di Ikim di sini.

Perdana Menteri berkata kini terdapat pelbagai tanggapan negatif mengenai Islam yang dilemparkan oleh pelbagai pihak tertentu terutamanya di peringkat antarabangsa termasuk mengaitkan Islam dengan perbuatan jenayah serta keganasan.

Dr Mahathir berkata kalau berlaku perbuatan pengeboman bangunan seperti yang berlaku di Amerika Syarikat, tuduhan pada mulanya akan dilemparkan ke atas orang Islam sungguhpun ianya dilakukan oleh pihak lain.

Bagaimanapun, katanya, penglibatan orang Islam dalam kegiatan jenayah dan keganasan seperti penculikan sedikit sebanyak menjejaskan tanggapan masyarakat lain terhadap umat Islam.

Mengulas peranan Ikim, Dr Mahathir berkata institut itu telah menjalankan peranannya dengan baik bagi memberi penjelasan kepada masyarakat bukan Islam di negara ini serta mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa menerusi pelbagai seminar yang dianjurkan.

Mengenai salah tanggapan di kalangan masyarakat Islam sendiri, Mahathir berkata ini merupakan satu lagi cabaran yang harus dihadapi kerana umat Islam mempunyai tafsiran yang berbeza-beza mengenai hukum Islam.

"Yang jelas ada di kalangan umat Islam yang hanya menumpu kepada ibadat tertentu semata-mata sedangkan Islam merupakan satu cara hidup yang mempunyai pelbagai kegiatan yang harus diberikan tumpuan," katanya.

Selain itu, katanya terdapat sesetengah umat Islam di negara ini yang mengamalkan ajaran yang bertentangan dengan Islam yang jika dibiarkan akan menjejaskan akidah umat Islam di Malaysia.

Dr Mahathir berkata di dalam Al Quran terdapat dua jenis ayat iaitu ayat yang tepat dan tidak boleh disalah tafsir dan ayat umum yang terbuka kepada berbagai-bagai bentuk tafsiran.

Beliau berkata begitu juga tentang hadis, terdapat hadis yang sahih dan yang lemah serta yang tidak diterima kesahihannya oleh para ulama.

Katanya, usaha perlu diperbanyakkan bagi memberi penjelasan kepada umat Islam mengenai tafsiran sebenar sesuatu ayat Al-Quran serta memberi penerangan mengenai hadis yang sahih dan yang bukan sahih.

Terdahulu, Pengerusi Ikim Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata radio IKIM.fm yang mendapat lesen penyiarannya berkuatkuasa 1 Julai 2000 akan menjadi "A world view of Islam" dengan menggembelngkan maklumat dengan unsur hiburan dengan rapi dan teliti supaya pendengar akan mendapat manfaat yang sebaiknya.

Beliau berkata jenis maklumat yang akan disampaikan merangkumi aspek

ekonomi, pengurusan, perniagaan, kewangan, undang-undang, syariah, sains politik, sains sosial, perubatan, kesihatan dan perlbagai bidang komunikasi yang lain dengan mensasarkan masyarakat Islam dan bukan Islam terutama saudara-saudara baru.

Katanya, bentuk siaran radio itu yang disampaikan dalam pelbagai bahasa seperti Melayu, Inggeris dan Arab dirangka khusus bagi merangsang pendengar untuk berinteraksi secara ilmiah dengan penyampai, di samping membuka minda mereka agar lebih toleran dalam membincangkan isu kontemporari.

Beliau berkata siaran radio itu yang merupakan stesen radio digital berasaskan Islam mendapat peruntukan sebanyak RM12.8 juta daripada kerajaan dan siarannya dapat didengar hingga ke Pulau Batam, Indonesia.

Katanya, radio IKIM.fm dapat didengar menerusi gelombang 91.5 Mhz bagi Lembah Klang, Perak, Negeri Sembilan (102.7 Mhz), Kedah, Pulau Pinang, Perlis (89.0 Mhz), Melaka (89.5 Mhz), Johor Baharu (107.9 Mhz), Kota Baharu (89.8 Mhz), Kuantan (89.6 Mhz), Kuala Terengganu (100.2 Mhz), Kuching (98.8 Mhz) dan Kota Kinabalu (93.9 Mhz) secara 24 jam sehari.

-- BERNAMA

AKT AHH RI